



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016



Oleh **Hariyati Ariffin**

Apabila sekolah dibuka semula ibu bapa pening

Bila sekolah mula dibuka semalam dan hari ini, ibu bapa, khususnya di bandar mula pening kepala memikirkan perbelanjaan sekolah anak yang semakin membebankan terutama bagi mereka yang bergaji kecil.

Ramai berpendapat pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang berkuat kuasa 1 April tahun lalu turut memberi impak pada ibu bapa yang mempunyai ramai anak masih bersekolah.

Purata perbelanjaan seorang anak kira-kira RM300, termasuk baju sekolah, beg, kasut, buku tulis dan yuran sekolah. Jika satu keluarga mempunyai empat anak yang bersekolah, mereka memerlukan sekurang-kurangnya RM1,200 bagi perbelanjaan persekolahan anak. Ini belum lagi bayaran van sekolah dan tadika serta taska. Jelas sekali jumlah itu agak membebankan bagi ibu bapa bergaji RM3,000 ke bawah.

Hidup di bandar semuanya me-

libatkan kos yang tinggi. Anak ke sekolah menaiki van yang bayarannya juga meningkat. Jika ibu bekerja anak yang balik dari sekolah akan duduk di rumah jiran atau taska sementara menunggu ibu bapa pulang kerja. Ini juga melibatkan kos kerana bayaran tinggal di rumah jiran atau taska juga meningkat sejak pertengahan tahun lalu. Ada juga ibu bapa yang mahu anak dapat kelas tambahan dan ini juga melibatkan kewangan keluarga yang agak banyak.

Bagi ibu bapa yang bergaji besar perbelanjaan persekolahan anak mungkin bukan satu masalah, namun bagi yang berpendapatan rendah setiap kali sekolah dibuka mereka akan mengalami masalah kewangan dan ada yang terpaksa meminjam untuk terus menghantar anak ke sekolah. Penulis bertemu beberapa ibu bapa yang berkongsi cerita mengenai perbelanjaan persekolahan yang dikatakan semakin membebankan setiap tahun dan langkah yang diambil untuk meneruskan per-

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

sekolahan anak.

Seorang ayah yang tinggal di Apartmen PKNS di Shah Alam memberitahu, beliau mempunyai lima anak yang masih bersekolah, tiga daripadanya sekolah rendah dan dua sekolah menengah. Tahun ini perbelanjaan persekolahan anak meningkat kerana harga pelbagai barangan naik dan gaji beliau yang kecil tidak dapat menampung semua kehendak anak untuk membeli baju atau kasut baru. Apa yang dibuat oleh keluarganya ialah, baju kakak atau abang yang sudah tidak muat dan masih elok diberi pada adik untuk dipakai, begitu juga kasut dan sebagainya. Bagi beliau apa yang penting membeli buku tulis dan peralatan sekolah serta bayaran yuran.

Beliau juga memberitahu anak yang bersekolah rendah hanya berjalan kaki ke sekolah kerana sekolah tidak jauh dari rumah manakala yang bersekolah menengah menaiki bas awam dan ada yang menaiki basikal. Bagi beliau, walau terpaksa bergolok bergadai mencari duit untuk menyekolahkan anak, beliau percaya pelajaran adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan seseorang dan aset untuk mengubah kehidupan mereka sekeluarga.

Sementara itu, seorang ibu dari Jeram, Selangor memberitahu penulis, di awal persekolahan bila sekolah dibuka semula, masalah kewangan yang dihadapi keluarganya membuatkan beliau terpaksa bijak membuat pilihan apa yang perlu dibayar dulu bagi membolehkan anak terus bersekolah.

Walaupun beliau dan keluarga tinggal di kawasan taman perumahan di pekan Sungai Buloh di Jeram, kos hidup juga meningkat dan dengan pendapatan suami RM2,000 sebulan, ia dirasakan sangat sukar menanggung kehidupan keluarganya seramai lapan orang. Beliau mempunyai enam anak, lima masih belajar dan memerlukan banyak wang untuk sekolah dan kegiatan harian serta makan minum sekeluarga.

Beliau memberitahu, sebagai seorang suri rumah, dengan pendapatan suami yang kecil, kesempitan hidup amat terasa kerana persekolahan anak memerlukan banyak wang dan disebabkan itu, ada kalanya beliau tidak dapat menjelaskan beberapa yuran sekolah anak dan terpaksa meminta tangguh sehingga ada sumber kewangan. Bagi beliau sekolah amat penting kerana beliau juga mahu anak berjaya suatu hari nanti supaya dapat mengubah nasib keluarga.

Apa yang dapat kita ambil daripada kisah kedua-dua keluarga ini ialah, walau perit dan sukar sekalipun untuk menanggung perbelanjaan persekolahan anak, ibu bapa tetap merasakan pelajaran itu sangat penting sebagai satu mobiliti sosial yang akan dapat mengubah masa depan mereka.

Justeru, bagi mereka yang sangat beruntung kerana dapat ke sekolah tanpa masalah, jadikan kisah ibu bapa ini sebagai iktibar dan pengajaran betapa besarnya pengorbanan ibu bapa untuk melihat anak berjaya dalam hidup.

**Penulis Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media
UiTM Shah Alam**

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

